



SIARAN MEDIA

GANGGUAN SEKSUAL BUKAN GURAUAN

WP LABUAN , 25 JULAI: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), hari ini menganjurkan Program Toleransi Sifar bertujuan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap isu gangguan seksual dan kesannya terhadap mangsa.

Penganjuran program ini juga untuk menyebarkan kesedaran masyarakat terhadap pengwujudan Akta Antigangguan Seksual 2022 [Akta 840] serta peranan Tribunal Antigangguan Seksual (TAGS) sebagai saluran keadilan yang lebih mudah dan cepat.

Selain itu, program ini mendidik masyarakat untuk menolak normalisasi gangguan seksual dalam apa jua bentuk, serta menggalakkan mangsa untuk tampil membuat aduan, menyimpan bukti dan mendapatkan sokongan yang sewajarnya. Di samping itu, ia menyasarkan penwujudan persekitaran yang selamat, terutama bagi wanita dan golongan rentan, melalui kerjasama pelbagai pihak termasuk agensi kerajaan, institusi pendidikan dan masyarakat umum. Ianya juga turut memberi penekanan kepada pemerkasaan wanita dengan pengetahuan tentang hak dan saluran perlindungan yang tersedia bagi mereka.

Program Toleransi Sifar memfokuskan kepada gangguan seksual yang tidak boleh dianggap remeh atau dibenarkan dalam apa jua bentuk. Selain menyeru kepada tindakan tegas serta kerjasama menyeluruh masyarakat dalam membanteras isu ini. Penekanan turut diberikan kepada peningkatan kesedaran awam dan pendidikan berterusan, penguatkuasaan undang-undang melalui Akta Antigangguan Seksual 2022 (Akta 840) dan Tribunal Antigangguan Seksual (TAGS), serta usaha memperkasa wanita dan memberi sokongan kepada mangsa. Solidariti komuniti juga amat penting bagi mewujudkan persekitaran yang selamat, bermaruah dan sejahtera untuk semua.

Berdasarkan data sehingga Julai tahun ini, sebanyak 43 aduan difailkan kepada Tribunal Antigangguan Seksual (TAGS) dan 36 daripadanya berjaya diselesaikan iaitu pencapaian sebanyak 84%. Akta Antigangguan Seksual 2022 (Akta 840) digubal untuk menangani gangguan seksual secara holistik melalui mekanisme undang-undang yang lebih mudah, cepat dan mesra mangsa. Ia turut memperkenalkan TAGS sebagai saluran alternatif bagi mangsa mendapatkan keadilan tanpa melalui proses mahkamah sivil.

Turut hadir, Timbalan Ketua Pengarah JPW, Dr Faridah Awang, Pengarah Bahagian Pengupayaan Wanita (BPW), Puan Maisarah Hashim, dan Pegawai-pegawai Kanan Jabatan dan Agensi Kementerian.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PEMBANGUNAN WANITA
25 JULAI 2025